

CIMB Cash Rebate Platinum Credit Card Terms and Conditions
Version: 18 September 2024

1. Cash rebates ("Cash Rebate(s)") available under the CIMB Cash Rebate Platinum Credit Card ("Cash Rebate Card") made available by CIMB Bank Berhad [197201001799(13491-P)] ("Bank") shall be subject to these terms and conditions. These terms and conditions shall be read together with the provisions of CIMB's Cardholder Terms and Conditions. If there is any discrepancy or inconsistency between these terms and conditions and those contained in the Cardholder Terms and Conditions, these terms and conditions governing the Cash Rebate(s) shall prevail in so far as they apply to the Cash Rebate Card.
2. Cash Rebate(s) are only given to principal and/or supplementary cardholders of the Cash Rebate Card ("Cardholder(s)") whose accounts are current, valid, subsisting and who have not breached any of the terms of the Cardholder Terms and Conditions.
3. Cardholder(s) will be awarded Cash Rebate(s) for transactions made at eligible merchants stated in the table below:-
 - a. The Cardholder(s)' Monthly Statement Balance will determine the Tier which the Cardholder(s) falls into. The applicable percentage of Cash Rebate(s) will be awarded on the selected categories as per the table below.

Categories	Statement balance		Monthly Capping
	Below RM3,000	RM3,000 & above	
Cinema	2%	5%	RM30
Petrol & Grocery			
Mobile & Utility Bill Payment (via Standing Instruction only)			
Other Retail or Online Spend	0.2%		Unlimited

- b. The Cash Rebate(s) is accumulated on a monthly basis and is based on the following selected Merchant Category Code (MCC):-

Category	Eligible Transactions Type/ Merchant Category Code "MCC"	Description of payments of transactions entitling Cardholder(s) to the Cash Rebate(s)
Cinema	7832	As stated
Petrol	5541, 5542, 6540	- MCC (5541/5542) for all Petrol and/or recurring transactions. - MCC (6540) apply to Setel transaction.
Grocery	5411, 5422, 5451	As stated
Mobile Bill Payment	4813,4814,5968	Standing Instruction payments to: - - All MCC (4813 / 4814); and - MCC (5968) applies to MAXIS, DIGI, CELCOM, U MOBILE, YES, WEBE DIGITAL or any other telecommunication service providers which the Bank shall include at the Bank's discretion. Not applicable for hardware and/or software purchases at telecommunication service providers
Utility Bill Payments	4900,5968	Standing Instruction payments under:- - All MCC (4900); and - MCC (5968) applies to GAS MALAYSIA, SESCO and TNB or any other utility service providers which the Bank shall include at the Bank's discretion.
Other Retail or Online Spend	All other that does not fall into any of the above	

4. For purpose of calculating the Cash Rebate(s), foreign currency spending will be converted to Ringgit Malaysia (RM) and shall be based on the Bank's transaction records only. Such conversions shall be conclusive, save for obvious error.
5. The Bank reserves the right to vary the rate of and/or to impose limits on the Cash Rebate(s) at any time and from time to time, upon giving the Cardholder(s) prior notice of at least twenty-one (21) days.

6. The classification of Eligible Transaction Type and MCC and/or the determination of the Cardholder(s)' qualifying spend for the Cash Rebate(s) is the responsibility of the respective merchant's acquiring bank. The Bank will not be responsible for any incorrect classification of the Eligible Transaction Type and MCC and/or the determination of the Cardholder(s)' qualifying spend to the relevant transaction that may result in the non-posting of the Cash Rebate(s) for transactions at the eligible merchants. The Cardholder(s) shall not make any claim for compensation against the Bank for non-posting of the Cash Rebate(s) due to incorrect classification by the respective merchant's acquiring bank.
7. If any transactions are reversed, the reversal will result in the rebates being reversed. The applicable percentage of Cash Rebate(s) for the reversal will be based on the current month's rebate Tier.

Illustration 1 of rebate reversal:

Month	Category	Amount (RM)	Current Month Rebate Tier	Rebate earn (RM)	Rebate reversal (RM)
Nov	Cinema	38.00	5%	1.90	-
	Mobile Bill Payment (via Standing Instruction)	100.00		5.00	-
	Other Retail or Online Spend	1,000.00	0.20%	2.00	-
Dec	Cinema	50.00	2%	1.00	-
	Mobile Bill Payment (via Standing Instruction)	(100.00)		-	(2.00)
	Other Retail or Online Spend	(500.00)	0.20%	-	(1.00)

Illustration 2 of rebate reversal:

Month	Category	Amount (RM)	Current Month Rebate Tier	Rebate earn (RM)	Rebate reversal (RM)
Nov	Cinema	38.00	2%	0.76	-
	Mobile Bill Payment (via Standing Instruction)	100.00		2.00	-
	Other Retail or Online Spend	1,000.00	0.20%	2.00	-
Dec	Cinema	50.00	5%	2.50	-
	Mobile Bill Payment (via Standing Instruction)	(100.00)		-	(5.00)
	Other Retail or Online Spend	(500.00)	0.20%	-	(1.00)

8. The Cash Rebate(s) earned shall be applied firstly towards settlement of the finance charges incurred (if any). In the event the Cash Rebate(s) earned is more than the finance charges incurred, the remaining Cash Rebate(s) earned shall be utilized towards payment for retail purchase(s) made. The Bank may however vary the date and frequency of the crediting of the Cash Rebate(s) by giving the Cardholder(s) at least twenty-one (21) calendar days prior notice.
9. All Cash Rebate(s) granted to the Cardholder(s) are in lieu of bonus points and/or any other rewards usually associated with the Bank's other credit cards. Unless otherwise expressly stated, where a Cardholder is granted Cash Rebate(s), that Cardholder(s) shall not be entitled to bonus points and/or any other rewards usually associated with the Bank's other credit cards. No insurance coverage or any other benefits are available under the Cash Rebate Card.
10. The Cash Rebate(s) earned by the Cardholder(s) for each current month will be calculated (rounded down to the nearest Malaysian Ringgit) up until the statement date in respect of the current month, and will be posted to the Cardholder(s)' Cash Rebate Card account in the next month's statement. If any transactions are disputed or alleged to be fraudulent, the Cash Rebate(s) earned on such transactions may be reversed or cancelled by the Bank.
11. Cash Rebate(s) earned by the Cardholder(s) for each current month will not be posted to the Cardholder(s)' Cash Rebate Card account in the next month's statement if the Cardholder(s) fails to make the minimum payment due by the Due Date stated in the current month's statement.
12. Transaction shall mean purchase transactions for goods and services including online purchases for good and services incurred for personal consumption and not for business purposes and shall not include betting or gaming transactions. For the avoidance of doubt, no Cash Rebate(s) will be granted in respect of the following transactions:-
- all monthly instalments due for any programmes/arrangements operated by the Bank, including but not limited to CashLite, instalment payment plan, cash advance, balance transfers, balance conversion and auto balance conversion;

- b. Quasi Cash transactions - (for example: betting and/or gaming transactions);
- c. Late payment charges, reversals, fraudulent retail transactions and other fees and charges;
- d. Lump sum repayment of the original transaction amount which the Cardholder(s) previously elected to make repayment of by monthly installments under any installment payment facilities provided by the Bank or other banks where the Bank granted the Cardholder(s) the Cash Rebate(s) on the original transaction;
- e. Payments to charity under designated MCC 8398 - Charitable and social service organisations;
- f. Any government related payments under designated MCC below:-

9211	Court costs, including alimony and child support
9222	Fines
9223	Bail and bond payments
9311	Tax payments
9399	Government services
9402	Postal services - Government only
9405	Intra - government purchases - Government only

- g. Recurring payment transactions;
- h. JomPAY , FPX and/or Duitnow QR transactions; and/or
- i. E-wallet transaction under designated MCC 6540.

The Bank's determination as to whether a transaction earns or does not earn Cash Rebate(s) shall be final and conclusive unless there is obvious error.

- 13. The Bank reserves the right to suspend for a definite period or indefinitely, cancel and/or terminate the Cash Rebate(s) and/or any other benefits (if any) available under the Cash Rebate Card by giving the Cardholder(s) prior notice of at least twenty-one (21) days. The Cardholder(s) is not entitled to any claim or compensation for any losses or damages suffered by the Cardholder(s) as a direct or indirect result of such act of suspension, cancellation or termination.
- 14. The Bank may vary (whether by adding to, deleting from or otherwise amending) ("Amendment") any of these terms and conditions by giving the Cardholder(s) at least twenty-one (21) calendar days prior notice before the Amendment is effective. Notice of the Amendment may be given in the same way as notice of amendments are given under the Cardholder Terms and Conditions.
- 15. These terms and conditions shall prevail over any representations contained in any other promotional or advertising materials advertising the Cash Rebate Card.

General Terms and Conditions

- 16. The Bank assumes no liability or responsibility for any issues and disputes relating to the Cash Rebate(s), any loss, damage, costs or expenses suffered or incurred as a direct or indirect result of the Cash Rebate(s) unless caused directly by the Bank's gross negligence or willful default.
- 17. Cardholders may contact the Bank's Customer Resolution Unit ("CRU") for any feedback and/or complaints by contacting the following telephone number or address (which may be changed by the Bank from time to time by notice to the Cardholder): Customer Resolution Unit, P.O. Box 10338 GPO Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan; Call Centre No +603 6204 7788, e-mail: contactus@cimb.com.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kad Kredit CIMB Cash Rebate Platinum
Versi: 18 September 2024

1. Rebat Tunai ("Rebat Tunai") yang terdapat untuk Kad Kredit *CIMB Cash Rebate Platinum* ("Kad Rebat Tunai") yang ditawarkan oleh CIMB Bank Berhad [197201001799(13491-P)] ("Bank") hendaklah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat ini. Terma-terma dan syarat-syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad CIMB. Jika terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara terma-terma dan syarat-syarat ini dengan yang terkandung dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad, terma-terma dan syarat-syarat ini yang mentadbir Rebat Tunai akan mengatasi yang lain setakat mana yang terpakai kepada Kad Rebat Tunai.
2. Rebat Tunai hanya akan diberikan kepada pemegang utama dan/atau tambahan Kad Rebat Tunai ("Pemegang Kad") yang mana akaun adalah semasa, sah, wujud dan tidak memungkirkan mana-mana terma dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad.
3. Pemegang Kad akan diberi ganjaran Rebat Tunai bagi transaksi yang dilakukan di peniaga layak yang dinyatakan dalam jadual di bawah:-
 - a. Baki Penyata Bulanan Pemegang Kad akan menentukan Tahap yang dimiliki Pemegang Kad. Peratusan Rebat Tunai yang berkenaan akan diberikan berdasarkan kategori terpilih seperti jadual di bawah.

Kategori	Baki Penyata		Had Bulanan
	Di bawah RM3,000	RM3,000 & ke atas	
Pawagam	2%	5%	RM30
Petrol & Barangan Runcit			
Pembayaran Bil Telefon Mudah Alih & Utiliti (melalui Arahan Tetap sahaja)			
Perbelanjaan Runcit atau Dalam Talian Lain	0.2%		Tanpa Had

- b. Rebat Tunai akan dikumpul secara bulanan dan berdasarkan Kod Kategori Peniaga ("MCC") terpilih seperti yang berikut:-

Kategori	Jenis Transaksi Layak / Kod Kategori Peniaga "MCC"	Huraian pembayaran transaksi yang melayakkan Pemegang Kad kepada Rebat Tunai
Pawagam	7832	Seperti yang dinyatakan
Petrol	5541, 5542, 6540, 5499	Seperti yang dinyatakan dan termasuk transaksi pembayaran berulang untuk kategori MCC yang dinyatakan di sini • MCC (5541/5542) untuk petrol /atau pembayaran berulang. • MCC (6540) digunakan untuk transaksi Setel.
Barangan Runcit	5411, 5422, 5451	Seperti yang dinyatakan
Pembayaran Bil Telefon Mudah Alih	4813, 4814, 5968	Pembayaran Arahan Tetap kepada:- • Semua MCC (4813 / 4814); dan • MCC (5968) bagi MAXIS, DIGI, CELCOM, U MOBILE, YES, WEBE DIGITAL atau mana-mana pembekal perkhidmatan telekomunikasi lain yang akan dimasukkan oleh Bank di atas budi bicara Bank. Tidak berkaitan untuk pembelian perkakasan dan/atau perisian dengan pembekal perkhidmatan telekomunikasi
Pembayaran Bil Utiliti	4900, 5968	Pembayaran Arahan Tetap di bawah:- • Semua MCC (4900); dan • MCC (5968) bagi GAS MALAYSIA, SESCO dan TNB atau mana-mana pembekal perkhidmatan utiliti lain yang Bank akan termasuk di atas budi bicara Bank.
Perbelanjaan Runcit atau Dalam Talian Lain	Semua yang lain yang tidak termasuk dalam mana-mana di atas	

4. Bagi tujuan pengiraan Rebat Tunai, perbelanjaan mata wang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) dan akan berdasarkan rekod transaksi Bank sahaja. Pertukaran ini hendaklah menjadi konklusif, melainkan kesilapan jelas.
5. Bank merizabkan hak untuk mengubah kadar dan/atau untuk mengenakan had pada Rebat Tunai pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, setelah memberi notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari. .
6. Klasifikasi bagi Jenis Transaksi Layak dan MCC dan/atau penentuan perbelanjaan layak Pemegang Kad untuk Rebat Tunai adalah tanggungjawab bank yang memperoleh peniaga masing-masing. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang klasifikasi Jenis Transaksi Layak dan MCC yang salah dan/atau penentuan perbelanjaan layak Pemegang Kad pada transaksi berkenaan yang salah yang mungkin menyebabkan kegagalan pengeposan Rebat Tunai bagi transaksi dengan peniaga yang layak. Pemegang Kad tidak boleh membuat sebarang tuntutan untuk pampasan terhadap Bank atas kegagalan pengeposan Rebat Tunai yang disebabkan oleh klasifikasi yang salah oleh bank yang memperoleh peniaga masing-masing.
7. Jika sebarang transaksi telah dibalikkan, pembalikan tersebut akan menyebabkan rebat tunai dibalikkan. Peratusan Rebat Tunai yang tertakluk kepada pembalikan akan berdasarkan pada Tahap rebat tunai bulan semasa.

Gambaran 1 pembalikan rebat tunai:

Bulan	Kategori	Jumlah (RM)	Tahap Rebat Bulan Semasa	Rebat diperolehi (RM)	Pembalikan Rebat (RM)
Nov	Pawagam	38.00	5%	1.90	-
	Pembayaran Bil Telefon Mudah Alih (melalui Arahan Tetap)	100.00		5.00	-
	Perbelanjaan Runcit atau Dalam Talian lain	1,000.00	0.20%	2.00	-
Dis	Pawagam	50.00	2%	1.00	-
	Pembayaran Bil Telefon Mudah Alih (melalui Arahan Tetap)	(100.00)		-	(2.00)
	Perbelanjaan Runcit atau Dalam Talian lain	(500.00)	0.20%	-	(1.00)

Gambaran 2 pembalikan rebat tunai:

Bulan	Kategori	Jumlah (RM)	Tahap Rebat Bulan Semasa	Rebat diperolehi (RM)	Pembalikan Rebat (RM)
Nov	Pawagam	38.00	2%	0.76	-
	Pembayaran Bil Telefon Mudah Alih (melalui Arahan Tetap)	100.00		2.00	-
	Perbelanjaan Runcit atau Dalam Talian lain	1,000.00	0.20%	2.00	-
Dis	Pawagam	50.00	5%	2.50	-
	Pembayaran Bil Telefon Mudah Alih (melalui Arahan Tetap)	(100.00)		-	(5.00)
	Perbelanjaan Runcit atau Dalam Talian lain	(500.00)	0.20%	-	(1.00)

8. Rebat Tunai yang diperolehi akan digunakan terlebih dahulu bagi penyelesaian caj kewangan yang ditanggung (jika ada). Jika Rebat Tunai diperolehi adalah lebih banyak daripada caj kewangan yang ditanggung, baki Rebat Tunai yang diperolehi akan digunakan untuk pembayaran bagi pembelian runcit yang dilakukan. Walau bagaimanapun, Bank boleh mengubah tarikh dan kekerapan pengkreditan Rebat Tunai dengan memberikan kepada Pemegang Kad notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar.
9. Semua Rebat Tunai yang diberikan kepada Pemegang Kad adalah sebagai gantian untuk mata bonus dan/atau sebarang ganjaran lain yang biasanya dikaitkan dengan kad kredit Bank yang lain. Kecuali dinyatakan secara nyata, di mana Pemegang Kad diberikan Rebat Tunai, Pemegang Kad tidak akan layak kepada mata bonus dan/atau sebarang ganjaran lain yang biasanya dikaitkan dengan kad kredit Bank yang lain. Tiada perlindungan insuran atau sebarang manfaat lain yang boleh didapati di bawah Kad Rebat Tunai.

10. Rebat Tunai yang diperolehi oleh Pemegang Kad bagi setiap bulan semasa akan dikira (dibundarkan ke bawah Ringgit Malaysia yang terdekat) sehingga tarikh penyata berkenaan dengan bulan semasa, dan akan diposkan ke akaun Kad Rebat Tunai Pemegang Kad dalam penyata bulan seterusnya. Jika sebarang transaksi adalah dipertikaikan atau didakwa sebagai penipuan, Rebat Tunai yang diperolehi daripada transaksi tersebut boleh dibalikkan atau dibatalkan oleh Bank.
11. Rebat Tunai yang diperolehi oleh Pemegang Kad bagi setiap bulan semasa tidak akan diposkan ke akaun Kad Rebat Tunai Pemegang Kad dalam penyata bulan seterusnya jika Pemegang Kad gagal membuat bayaran minimum yang kena dibayar pada Tarikh Matang yang dinyatakan dalam penyata bulan semasa.
12. Transaksi perbelanjaan runcit hendaklah bererti transaksi pembelian untuk barangan dan perkhidmatan termasuk pembelian dalam talian untuk barangan dan perkhidmatan yang ditanggung untuk penggunaan peribadi dan bukan bagi tujuan perniagaan dan tidak akan termasuk transaksi perjudian atau pertaruhan. Untuk mengelakkan keraguan, tiada Rebat Tunai akan diberikan berkenaan dengan transaksi berikut:-
 - a. semua ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk sebarang program/peraturan yang dikendalikan oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada CashLite, pelan pembayaran ansuran, pendahuluan tunai, pemindahan baki, penukaran baki dan penukaran baki auto;
 - b. Transaksi Tunai Kuasi - (contohnya: transaksi pertaruhan dan/atau perjudian);
 - c. Caj bayaran lewat, pembalikan, transaksi runcit palsu dan fi dan caj lain;
 - d. Pembayaran balik sekali gus bagi jumlah transaksi asal di mana Pemegang Kad sebelumnya telah memilih untuk membuat bayaran balik melalui ansuran bulanan di bawah mana-mana kemudahan pembayaran ansuran yang diberikan oleh Bank atau bank lain di mana Bank memberikan Pemegang Kad Rebat Tunai bagi transaksi asal;
 - e. Pembayaran kepada badan amal di bawah MCC 8398 yang ditetapkan – Pertubuhan amal dan perkhidmatan sosial;
 - f. Sebarang pembayaran yang berkaitan dengan kerajaan di bawah MCC ditetapkan di bawah:-

9211	Kos mahkamah, termasuk nafkah cerai dan nafkah anak
9222	Denda
9223	Pembayaran ikat jaminan dan bon
9311	Pembayaran cukai
9399	Perkhidmatan kerajaan
9402	Perkhidmatan pos – kerajaan sahaja
9405	Pembelian antara kerajaan - Kerajaan sahaja

- g. Transaksi pembayaran berulang;
- h. Transaksi JomPAY, FPX dan/atau Duitnow QR; dan/atau
- i. Transaksi e-dompet di bawah MCC 6540 yang ditetapkan.

Penentuan Bank mengenai sama ada sesuatu transaksi memperolehi atau tidak memperolehi Rebat Tunai hendaklah menjadi muktamad dan konklusif melainkan terdapat kesilapan jelas.

13. Bank merizabkan hak untuk menggantung bagi suatu tempoh tertentu atau selama-lamanya, membatalkan dan/atau menamatkan Rebat Tunai dan/atau sebarang manfaat lain (jika ada) yang sedia ada di bawah Kad Rebat Tunai dengan memberikan kepada Pemegang Kad notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari. Pemegang Kad tidak layak kepada sebarang tuntutan atau pampasan bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pengantungan, pembatalan atau penamatan tersebut.
14. Bank boleh mengubah (sama ada dengan menambah, memadam atau sebaliknya meminda) ("Pindaan") sebarang terma-terma dan syarat-syarat ini dengan memberikan kepada Pemegang Kad notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum Pindaan berkuat kuasa. Notis Pindaan boleh diberikan dengan cara yang sama seperti notis pindaan yang diberikan di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad.
15. Terma-terma dan syarat-syarat ini akan mengatasi mana-mana representasi yang terkandung dalam bahan-bahan promosi atau pengiklanan lain yang mengiklankan Kad Rebat Tunai.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Umum

16. Bank tidak menanggung liabiliti atau tanggungjawab untuk sebarang isu dan pertikaian yang berkaitan dengan Rebat Tunai, sebarang kerugian, ganti-rugi, kos-kos atau perbelanjaan-perbelanjaan yang dialami atau ditanggung sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada Rebat Tunai melainkan disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran sengaja Bank.



17. Pemegang-Pemegang Kad boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan Bank ("CRU") untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan-aduan dengan menghubungi nombor telefon atau alamat berikut (yang mungkin ditukar oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada Pemegang-Pemegang Kad): Unit Resolusi Pelanggan, Peti Surat 10338 Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan; No Pusat Panggilan +603 6204 7788, e-mel: contactus@cimb.com.